



HOSPITAL SUNGAI SIPUT LAPORAN TAHUNAN 2017



**UNIT
HAEMODIALISIS**



1. PENGENALAN



Unit Haemodialisis Hospital Sungai Siput mula beroperasi pada 15hb. September 2005 dengan 5 orang pesakit dan dengan 4 unit mesin dialisis sahaja (pesakit pesakit ini ditukarkan dari Hospital Ipoh) Perkhidmatan yang diberi adalah rawatan haemodialisis pada pesakit yang buah pinggang gagal berfungsi (End stage renal failure). Unit ini memberi perkhidmatan kepada pesakit di-sekitar kawasan daerah Sungai Siput, ini memudahkan mereka untuk mendapatkan rawatan kerana Pusat Rawatan Dialisis yang terdekat hanya di-Bandar Ipoh dan Kuala Kangsar sahaja. Upacara pembukaan rasmi bangunan ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Dr. Chua Soi Lek. Menteri Kesihatan Malaysia, pada hari khamis 18hb Mei 2006. Selepas pembukaan rasmi penambahan 4 unit mesin dialisis diperolehi.

Pada tahun 2015 Penambahan empat dua mesin dialisis jenis Dialog B.Braun daripada Kementerian Kesihatan Malaysia di perolehi. Kini Unit ini mempunyai 14 buah mesin dialisis.

2. OBJEKTIF UNIT HAEMODIALISIS

Sentiasa memberi Perkhidmatan Perawatan dan Pendidikan Kesihatan yang berkesan.

3. FUNGSI UNIT HAEMODIALISIS

Unit ini memberi rawatan haemodialisis kepada pesakit End Stage Renal Failure yang layak mengikut kriteria tertentu. Masa rawatan setiap pesakit adalah 4 jam untuk 3 kali seminggu. Rawatan hanya diberi kepada pesakit yang terdapat di dalam program.

4. AKTIVITI UTAMA

4.1 Rawatan Kronik Haemodialisis (Long Term Haemodialisis) bagi pesakit bagi kes kegagalan buah pinggang (ESRF)

4.2 Dr.Thong Kah Mean,Pakar Nefrologi Perubatan UD54 dari Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh datang khas untuk memeriksa pesakit yang menjalankan rawatan dialisis di Unit Haemodialisis Hospital Sungai Siput, empat kali dalam tahun 2017. Tarikh lawatan ialah:

- 31 Januari 2017
- 21 April 2017
- 21 July 2017
- 20 Oktober 2017

Pakar Nefrologi boleh dihubungi pada bila-bila masa sahaja.,jika ada kes kecemasan atau untuk mendapatkan nasihat.

5. AKTIVITI-AKTIVITI UNIT HAEMODIALISIS TAHUN 2017

5.1 Akreditasi

Pensijilan Semula akreditasi Edisi Ke-4, 1st. Edition MSQH Standards For **CHRONIC DIALYSIS TREATMENT** telah dianugerahkan untuk Unit ini selama empat tahun setelah menjalani audit MSQH pada 2-4 September 2015.

5.2 Performance Indicators for Chronic Dialysis Treatment.

(a) **KT/V >1.2.** Sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah pesakit harus mencapainya. Program ini dijalankan 4 kali setahun dengan online monitoring.

Pencapaian:

Suku Tahun Pertama	54 orang pesakit	85.19 %
Suku Tahun Kedua	54 orang pesakit	87.04 %
Suku Tahun Ketiga	53 orang pesakit	84.91 %
Suku Tahun Keempat	53 orang pesakit	90.57 %

(b) **Measured Haemoglobin level of patient on dialysis at centre.**
(Standard: > 70 % of dialysis patients achieved Hb > 10g/dl).

Aktiviti ini juga dijalankan 4 kali dalam setahun.

Pencapaian:

Suku tahun pertama	54 orang pesakit	74.07 %
Suku tahun kedua	54 orang pesakit	72.22 %
Suku tahun ketiga	53 orang pesakit	73.58 %
Suku tahun keempat	53 orang pesakit	69.81 %


6. BEBAN KERJA

Jumlah mesin yang ada ialah 13 buah mesin iaitu 11 buah mesin untuk non-hepatitis dan 2 buah mesin untuk hepatitis C. Unit ini juga mempunyai 3 buah Reprocessor. 2 digunakan untuk non-hepatitis dan satu untuk hepatitis C. Jumlah dialysis juga bertambah iaitu

Tahun	Bilangan dialisis
2012	5500 dialisis
2013	5520 dialisis
2014	5763 dialisis
2015	6857 dialisis
2016	8018 dialisis
2017	8404 dialisis

Berikut disertakan graf menunjukkan beban kerja yang bertambah di-Unit Haemodialisis Hospital Sungai Siput. .


JUMLAH DIALYSIS YANG DILAKUKAN DARI 2011-2016




JADUAL MENUNJUKKAN JUMLAH DIALYSIS DAN JUMLAH PESAKIT TAHUN 2016.

Bulan	Jumlah Dialysis	Jumlah Pesakit
Januari	702	54
Februari	689	56
Mac	731	54
April	673	54
Mei	732	54
Jun	732	54
Julai	702	54
Ogos	709	54
September	689	52
Oktober	667	53
November	689	53
Disember	689	52
Jumlah	8404 Dialysis	


GRAF MENUNJUKAN JUMLAH PESAKIT DIALISIS MENGIKUT BULAN TAHUN 2017.



GRAF MENUNJUKAN JUMLAH DIALISIS MENGIKUT BULAN TAHUN 2017.



**GRAF MENUNJUKAN JUMLAH PESAKIT MENGIKUT BANGSA BAGI TAHUN 2016
DI UNIT HAEMODIALISIS**



7. KEDUDUKAN STAFF

- 1 orang Penolong Pengawai Perubatan U32 (Sijil Renal Pos Basik)
- 2 orang Penolong Pengawai Perubatan U29 (Sijil Renal Pos Basik)
- 4 orang Jururawat Terlatih U32 (KUP) (Sijil Renal Pos Basik)
- 1 orang Jururawat Terlatih U29 (Sijil Renal Pos Basik Swasta)
- 2 orang Pembantu Perawatan Kesihatan U3 (Lelaki)

Jumlah kakitangan Unit: 10 orang

8. SHIF DIALISIS

Pada hari Isnin,Rabu,Jumaat tiga sesi dialisis telah dijalankan manakala hari Selasa,Khamis dan Sabtu dua sesi dijalankan.

9. PERALATAN

Unit Haemodialisis mempunyai **13** mesin dialisis(termasuk 4 buah mesin dialisis baru yang diperolehi dari JKN/ KKM). **11** untuk Non- Hepatitis dan **2** untuk hepatitis C.

Tiga Reprocessor dialyser, **dua** Non- Hepatitis dan **1** hepatitis C.(2 daripadanya berstatus sijil BER 2 manakala 1 satu lagi berstatus sijil V4).

Dua set NIBP, satu di bilik rawatan Non hepatitis dan satu lagi di bilik rawatan hepatitis C.

(Bay dialisis hanya 13 sahaja, 11 bay non-hepatitis dan 2 untuk hepatitis C)

10. WAITING LIST (Senarai Menunggu)

Buat masa ini terdapat **42** orang daripada kawasan daerah Sg.Siput, Kanthan dan Chemor di dalam senarai menunggu bagi memohon untuk mendapat tempat rawatan haemodialisis di Unit Haemodialisis, Hospital Sungai Siput.

11. MASALAH YANG DIHADAPI

- 3 buah Mesin Reprosesor yang telah melebihi tempoh jangka hayat penggunaan (melebihi 10 tahun dan salah satunya berstatus V4) serta kos pembaikan tidak ekonomikal setakat ini.
- 4 buah mesin Haemodialisis yang telah mencapai tempoh jangka hayat penggunaan 10 tahun. Kerap kali mengalami kerosakkan dan kos baik pulih tidak ekonomikal.
- Pembantu Perawatan Kesihatan Dan Penolong Pegawai Perubatan masih tidak mencukupi mengikut ‘wisa’ Pembantu Perawatan Kesihatan memerlukan penambahan sekurang-kurangnya 2 orang lagi manakala Penolong Pegawai Perubatan memerlukan penambahan sekurang-kurangnya 4 orang lagi.

Disediakan oleh:

*Ahmad Rashidi Bin Haji Hussain
Penolong Pegawai Perubatan U32,
Unit Haemodialisis,
Hospital Sungai Siput.*